



BOT dari jeti penambang membawa pelancong menikmati panorama di pesisiran Sungai Perak.

MENARA jam besar di kawasan bulatan-tengah-tengah bandar merupakan antara mercu tanda Kuala Kangsar.

KOSMO 26/9/14 MS 34



Kuala Kangsar bukan sahaja terkenal dengan seni tekat malah tinggalan dan kisah-kisah sejarah kesultanan Melayu.

Kuala Kangsar bak bandar kolonial British

MULA berkecimpung dalam bidang seni tekat sejak 35 tahun lalu, Azizah Adam cukup mahir menyulam benang emas di atas kain baldu.

Wanita berusia 53 tahun itu menyulam benang yang diimport dari Jepun dan Jerman mengikut mempulu atau acuan kertas untuk membentuk bunga kerawang pada kain baldu di atas pемidang bersaiz sederhana di hadapannya.




AZIZAH

Hasil tekatan tangan Azizah bersama 10 pekerja syarikat miliknya iaitu Azydar Enterprise amat teliti dan halus.

Setiap hari, kerja-kerja tekatan itu dilakukan di bengkel yang terletak bersebelahan kediamannya di Padang Changkat, Kuala Kangsar, Perak.

Menurut beliau, pada zaman dulu tekat merupakan aksesori mewah dan eksklusif bagi golongan kerabat diraja.

Tekak popular dalam kalangan masyarakat Melayu terutama pada majlis-majlis rasmi. Azizah merupakan individu penting dalam pembuatan pelamin perkahwinan tiga orang cucu Sul-



REKAAN bangunan MCKK berasaskan seni bina Greece dan Rom merupakan tempat yang wajib dikunjungi pelancong.

MOHD. Fuad sedang memasang umpan pisang pada koyannya di atas Jambatan Victoria.



tan Perak, Sultan Azlan Shah.

"Tekak biasanya digunakan dalam istiadat dan upacara simbolik adat Melayu seperti kelengkapan perkahwinan, upacara peminangan, kelahiran, berkhatan dan majlis khatam al-Quran," jelas beliau.

Seni tekat terbahagi kepada dua iaitu tekat timbul bunga emas dan tekat gubah. Tekak timbul bu-

nga emas menggunakan benang berwarna emas dan acuan kertas untuk membentuk rekaan bunga di atas kain baldu manakala tekat gubah pula menggunakan benang pelbagai warna serta tanpa acuan.

Rekaan tekat timbul bunga emas hanya menggunakan corak tradisional tu-

run-temurun iaitu bunga kekwa, bunga padi, bunga raya dan bunga kerawang. Benang emas ditekat di atas kain baldu berwarna merah, biru dan hitam untuk dijadikan set tempat tidur, pelamin, tepak sirih dan cenderamata.

"Harga bagi set perkahwinan seperti tilam, bantal, cadar, kusyen dan kipas tangan antara RM3,000 hingga RM6,000. Ia juga boleh mencecah kepada ratusan ribu ringgit bergantung kepada rekaan," katanya yang pernah mengadakan demonstrasi kraf tangan dan pelancongan di India, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Perancis.

Bandar kolonial

Bekas syiling, tepak sirih kecil dan perhiasan kereta merupakan produk pelancongan tekat popular di Kuala Kangsar. Ia dijual pada harga RM18 hingga RM20 setiap satu.

Tekak merupakan antara produk pelancongan yang sinonim dengan daerah Kuala Kangsar selain industri labu di Kampung Sayong, pembuatan parang dan keris di Kampung Padang Changkat.

Berkunjung ke Kuala Kangsar seperti berada di sebuah bandar kolonial British. Seni bina British masih jelas kelihatan di sekitar bandar Kuala Kangsar terutama pada bangunan Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford.

Keluasan kawasan pentadbiran daerah Kuala Kangsar me-



ISTANA Kenangan atau Muzium Diraja Perak kini dalam proses penyelenggaraan dan dijadualkan dibuka dalam masa terdekat.





MOHD. RIZMAN masih mengekalkan ramuan asli dalam laksa di restorannya.

KOSMO 26/9/14 MS 35

liputi 204.94 kilometer (km) persegi. Bagi yang ingin berkunjung ke daerah bersejarah di negeri Perak itu, pastikan anda membuat sedikit kajian mengenai destinasi-destinasi yang ingin dilawati.

Dengan hanya berjalan kaki, pelancong dapat menerokai tempat-tempat menarik di sekitar bandar Kuala Kangsar. Jeti penambang yang terletak di Dataran Sungai Perak atau Lembah merupakan antara kawasan yang menjadi tumpuan pelancong di bandar itu.

Dengan bayaran RM1, anda boleh menaiki bot menyeberangi Sungai Perak ke Persisiran Sayong. Bagi yang ingin merasakan pengalaman berbeza, anda perlu menyediakan tambang sebanyak RM6 untuk menikmati pemandangan Istana Iskandariah di Bukit Chandan dan jambatan Sultan Abdul Jalil dengan menaiki bot.

Pondok telefon

Sekiranya berkunjung ke Dataran Sungai Perak pada hari Ahad, anda berpeluang ke Pasar Minggu Lembah untuk membeli barangan runcit, buah-buahan dan makanan tempatan yang dijual oleh masyarakat setempat.

Selain itu, kawasan Dataran Putra yang terletak di tengah-tengah bandar Kuala Kangsar menjadi tumpuan penduduk tempatan dan pelancong. Replika jet pejuang Tentera Udara Diraja Malaysia dan pondok telefon merah seperti di ibu kota London pasti mencuri perhatian anda.

“Laksa yang dihidangkan juga lebih tebal dan lembut kerana ia diproses sendiri menggunakan tepung gandum, air panas dan garam sebagai bahan utama,” ujarnya ketika ditemui Kosmo! baru-baru ini.

Setelah puas menikmati laksa, luangkan masa seketika untuk melawat Jambatan Victoria di Karai yang dibina pada tahun 1897. Ia terletak kira-kira 10 kilometer dari pusat bandar Kuala Kangsar dan merupakan antara landasan kereta api tertua di Malaysia.

Terdapat sebuah kubu Perang Dunia yang masih kukuh yang dibina berhampiran jambatan itu.

Menurut seorang penduduk yang tinggal di Kampung Seberang Karai, Mohd. Fuad Nordin, 50, jambatan itu menjadi laluan utama penduduk kampungnya ke pekan Karai sama ada dengan menaiki motosikal ataupun berjalan kaki.

“Seminggu sekali, saya akan memancing di Sungai Perak menggunakan koyan di atas jambatan ini. Sungai Perak terkenal sebagai lubuk ikan lampam, jelawat, lawang dan kelah.

“Walaupun jambatan ini berusia lebih 100 tahun, ia masih utuh dan menjadi tumpuan para pelancong malah pengarah filem terkenal, Mamat Khalid juga pernah mengadakan penggambaran di sini,” ujarnya yang bekerja sebagai penoreh getah dan membuat labu di kampungnya.

INFO

Kluster di Kuala Kangsar

Pendidikan

- Kolej Melayu Kuala Kangsar
- Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford
- Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Perempuan Kelsom

Kesultanan

- Galeri Sultan Azlan Shah
- Istana Iskandariah
- Masjid Ubudiah

Kraf tangan

- Pembuatan labu di Kampung Sayong
- Seni tekat di Kampung Padang Changkat
- Kraf tangan Mariwasa

Seni bina

- Jambatan Victoria
- Jambatan Iskandar
- Jambatan Sultan Abdul Jalil Shah

Destinasi pelancongan

- Istana Kenangan
- Hutan Lipur Hulu Kenas
- Seni pembuatan parang dan keris di Kampung Padang Changkat
- Masjid Kuala Dal dan Masjid Kota Lama Kanan
- Tanah perkuburan Daeng Sedili Pajung Luwuk dan Tok Temong



TEPAK
sirih ini
boleh dibeli
pelancong yang
berkunjung
di Azydar Enterprise.

PERALATAN
yang digunakan
oleh Azizah
untuk
menghasilkan
produk tekat.

Tidak lengkap kunjungan anda ke Kuala Kangsar tanpa mencuba laksa Kuala Kangsar di restoran Laksa Pak Ngah di Jalan Dato Sagor. Restoran yang menghadirkan hidangan tradisi daerah itu menjadi tumpuan pelancong terutamanya pada hari minggu.

Jenama Laksa Pak Ngah bermula sejak tahun 1950-an oleh Md. Rashid Uda Jaafar yang menjual laksa dengan menaiki basikal di sekitar Kuala Kangsar.

Mohd. Rizman, 37, merupakan generasi keempat menguruskan restoran tersebut sejak mengambil alih daripada bapanya, Mohd. Tajidi Abd. Rashid pada tahun 2000.

"Kuah laksa Kuala Kangsar lebih cair berbanding laksa negeri lain. Ikan sardin, cili kering, garam dan asam gelugur merupakan ramuan penting kuah laksa ini.

REPLIKA pondok
telefon merah
di Kuala Kangsar
seolah-olah anda
berada di kota
London.



- Azydar Enterprise
Telefon: 017-515 8720
- Laksa Pak Ngah
Telefon: 012-684 7986

Penginapan

- Sungai Perak Resort
Telefon: 07-777 2020 atau 05-777 2021

- Rumah Rehat Kuala Kangsar
Telefon: 05-776 4262

- Calet D' Kampung Mr. Os
Telefon: 012-635 0897

Pusat Maklumat Pelancongan
Alamat: Nombor 1A, Jalan
Kangsar, Kuala Kangsar, Perak
Telefon: 05-777 7717

Destinasi terbaik Kesultanan Melayu Perak

KESULTANAN Melayu di Kuala Kangsar dibuktikan melalui kewujudan makam diraja di pesisiran Sungai Perak dari Teluk Intan dan berakhir di Bukit Chandan yang kini menjadi lokasi Istana Iskandariah.

Menurut Presiden Persatuan Warisan Negeri Perak, Mohd. Taib Mohamed, 60, Kuala Kangsar merupakan sebuah daerah yang kaya dengan nilai-nilai sejarah.

"Kebanyakan kawasan di Kuala Kangsar mempunyai kaitan yang rapat dengan kesultanan Melayu. Sebagai contoh, Masjid Ubudiah di Bukit Chandan. Pembinaan masjid itu oleh Sultan Idris Murshidul'adzam Shah 1 merupakan inisiatif untuk membina institusi keagamaan di daerah ini," ujarnya.



MOHD. TAIB

Tambahnya, Galeri Sultan Azlan Shah yang dulunya dikenali dengan nama Istana Hulu merupakan destinasi terbaik untuk pelancong mengetahui maklumat mengenai kesultanan Melayu di Perak.

Pihak Persatuan Warisan Negeri Perak dengan kerjasama Kerajaan Negeri juga menyediakan peta berbentuk risalah bertajuk *Jejak Warisan Kuala Kangsar* sebagai panduan untuk pelancong melawat destinasi-destinasi menarik di daerah itu.

Melalui risalah yang mula diperkenalkan pada tahun 2011 itu, pelancong mendapat panduan perjalanan percutian mereka sepanjang bercuti di Kuala Kangsar.



MASJID Ubudiah di Bukit Chandan merupakan ikon kebanggaan umat Islam di bandar diraja Kuala Kangsar.